

Peribadi Tok Majdan disenangi

Aktif gerakan komuniti biarpun baru 15 bulan dipilih jadi ketua kampung

Nama Tok Majdan bukanlah suatu yang asing dalam kalangan penduduk di Parit Raja, malah personalitinya turut terselrah sementelah diberi amanah menggalas tanggungjawab sebagai ketua kampung.

Tok Majdan atau nama sebenarnya, Majdan Jamain, 42, dilantik menjadi pemimpin masyarakat pada Januari 2016, terus dikenali pelbagai lapisan usia berikutan sikapnya yang aktif menjalankan pelbagai aktiviti komuniti.

Menurut Majdan, sehingga kini puluhan aktiviti sudah dilaksana pihaknya, biarpun beliau baru 15 bulan memegang jawatan pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

"Setelah dilantik, saya hanya fikir untuk terus kekalkan kecemerlangan Parit Raja. Ini kerana kawasan ini dikenali di merata tempat.

"Di peringkat JKKK, kita rancang pelbagai aktiviti. Ia melibatkan setiap lapisan



Majdan (tengah) turut meraikan anak-anak kecil dalam program yang diadakan di sekolah.



Majdan (duduk, dua kiri) ketika berkunjung menziarahi penduduk dalam program kebajikan dilakukan.

masyarakat, iaitu kira-kira lebih 600 keluarga di sini.

"Bagi program dan aktiviti yang dilakukan, kita akan melibatkan kanak-kanak, wanita, belia, warga emas selain golongan usahawan," katanya ketika ditemui di Kampung Parit Raja Darat.

Majdan berkata, pelbagai aktiviti yang dirangka itu bertujuan memastikan ahli masyarakat terus aktif, selain turut mengukuhkan semangat kejiwaan, perpaduan dan kerjasama dalam komuniti.

aktiviti dalam masa sebulan.

"Aktiviti akan kita buat secara penggiliran mengikut kampung yang ada. Setiap kampung diletakkan wakil JKKK yang akan berperanan merancang aktiviti.

"Bermula awal tahun lalu, beberapa program dilaksanakan sehingga kampung ini jadi contoh pada kampung sekitar. Walaupun setiap program atau aktiviti itu bukanlah program mega, tetapi ia beri kesan kepada penduduk," katanya.

Tambah Majdan, program dilakukan berbentuk 'touch point' atau kebajikan yang kebanyakannya bantu golongan memerlukan, selain menggalakkan anak muda mempunyai sikap prihatin.

"Bagi aktiviti yang membabitkan kanak-kanak, kita beri sumbangan alat tulis. Kita juga



Bersama wakil rakyat, Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Ab Aziz Kaprawi (duduk, kiri), Majdan (duduk, kanan) bergotong-royong mengindahkan kawasan.

raikan mereka pada hari pertama sesi persekolahan bermula, bagi menggalakkan murid pra sekolah dan tahun satu ke sekolah.

"Bagi anak muda pula, mereka digalakkan untuk melibatkan diri dengan aktiviti ziarah kasih yang membabitkan bantuan kepada warga emas dan golongan yang memerlukan. Di samping itu kita adakan aktiviti riadah seperti pertandingan futsal, gotong-royong, serta aktiviti pemotoran (autoshow).

"JKKK juga mengharapkan wanita yang berada di Kampung Parit Raja ini turut aktif. Untuk tujuan itu, kita gabungkan aktiviti wanita ini dengan keagamaan. Antara yang dilakukan ialah bacaan Yasin dan tahlil setiap minggu," katanya.

Tambahnya, golongan wanita juga digalakkan untuk terus aktif dalam program lain seperti kelas masakan, menjahit, membuat kuih serta sesi penerangan dan perkongsian pandangan berkaitan isu semasa.

Kampung jadi tumpuan

Keaktifan kampung menjalankan pelbagai aktiviti bukanlah 'syok sendiri', kerana ia turut mendapat pengiktirafan pelbagai pihak termasuklah institusi pengajian tinggi (IPT).

Menurut Majdan, banyak IPT di negara ini menjadikan kampung jagannya sebagai lokasi mengadakan aktiviti.

"Antara yang pernah datang ke sini ialah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia (UM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM).

"Mereka datang untuk timba pengalaman baru yang tidak terdapat di tempat lain, kerana Parit Raja mempunyai kawasan pinggir bandar dan perkampungan, selain belajar budaya di sini," katanya.

BIODATA

Nama penuh : Majdan Jamain
Umur : 42 tahun
Isteri : Ruhilah Selamat
Bil anak : 3 orang
Jawatan :

- Ketua Kampung @ Pengerusi JKKK Kampung Parit Raja
- Ketua Pengerangan Pemuda Umno Bahagian Sri Gading
- Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Ismail, Parit Raja
- Yang Dipertua PIBG Sekolah Kebangsaan (SK) Parit Raja
- Pengerusi Badan Kebajikan Sekolah Agama (SA) Parit Raja
- Felo Kehormat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
- Ketua Pemuda Umno Cawangan Parit Raja
- Konsultan UTEN Holdings Sdn Bhd (UTHM)

- Anugerah/Kejayaan :
- Penghargaan Balai Polis Parit Raja
 - Penghargaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Pahat
 - Anugerah GCC Wilayah Selatan (SHARP) @Usahawan
 - Penghargaan khas SK Parit Raja
 - Finalis Anugerah Desa Perdana (ADC) Daerah Batu Pahat
 - Johan Pertandingan Kesenian Merdeka Negeri Johor
 - Johan Pertandingan Landskap Negeri Johor



Sering bertemu penduduk, Majdan (kiri) disenangi.

Personaliti
BATU PAHAT